



Kitab Hadis

ARBA'ĪN
FĀDĀNĪ

Karya Ulama Nusantara
di Tanah Suci

Jannatul Husna Ali Nuar
Gamal Abdul Nasir Zakaria



HUM
Press



UIN
Press

Kitab Hadis
ARBA'ĪN
FĀDĀNĪ

Kitab Hadis
ARBA'ĪN
FĀDĀNĪ

Karya Ulama Nusantara
di Tanah Suci

Jannatul Husna Ali Nuar
Gamal Abdul Nasir Zakaria



IIUM
Press



UNISSA
Press

Gombak • Bandar Seri Begawan • 2022

Cetakan Pertama, 2022
© IUM Press, IUM
© UNISSA Press, UNISSA

IUM Press ialah ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia - MAPIM
Persatuan Penerbit Buku Malaysia - MABOPA
No. Ahli - 201905

Hak cipta terpelibara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman atau sebagainya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Makki, Abu al-Fayd Muhammad Yasin ibn Muhammad 'Isa al-Fadani,
1917-1990

KITAB HADIS ARBATN FADANI : KARYA ULAMA

NUSANTARA DI TANAH SUCI / Jannatul Husna Ali Nuar, Gamal Abdul
Nasir Zakaria.

ISBN 978-967-491-141-6

1. Hadith--Criticism, interpretation, etc.

2. Government publications--Malaysia.

I. Jannatul Husna Ali Nuar.

II. Gamal Abdul Nasir Zakaria.

III. Judul.

297.12516

Diterbitkan bersama oleh

IUM Press

International Islamic University Malaysia

P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia

dan

UNISSA Press

Centre for Research and Publication

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Simpang 347, Jalan Pasar Gadong, Gadong BE1310

Bandar Seri Begawan

Negara Brunei Darussalam

Website: www.unissa.edu.bn

Dicetak di Malaysia oleh

Perniagaan Normahs

No. 3, 5 & 7 Jalan 12/10

Taman Koperasi Polis Fasa 1

68100 Mukim Batu, Kuala Lumpur

e-mail: pnormahs@gmail.com

Kandungan

| | |
|--|------|
| <i>Transliterasi</i> | vii |
| <i>Prakata</i> | xi |
| <i>Penghargaan</i> | xv |
| <i>Pendahuluan</i> | xvii |
| | |
| Bab Satu: Pengajian dan Penulisan Hadis di Nusantara | 1 |
| | |
| Bab Dua: Keilmuan Syeikh Fādānī dalam Bidang Hadis | 48 |
| | |
| Bab Tiga: Mengenal Kitab Hadis Arba'īn Fādānī | 112 |
| | |
| Bab Empat: Kaedah Pengkaryaan Kitab Hadis Arba'īn Fādānī | 159 |
| | |
| <i>Penutup</i> | 253 |
| <i>Rujukan</i> | 265 |
| <i>Indeks</i> | 299 |

Prakata

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين وبه نستعين على أمور الدنيا والدين، والصلاة والسلام على أشرف
المرسلين وعلى آله وصحبه ومن تبعه بإحسان إلى يوم الدين، أما بعد؛

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, atas segala limpah rahmat dan kurnia-Nya, buku di hadapan pembaca ini dapat disiapkan. Selawat dan salam sentiasa disampaikan untuk junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga, para sahabat, dan pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Minat penulis untuk mengenal lebih dekat kehebatan Syeikh Fādānī bermula sejak menimba ilmu di Universiti Malaya, lebih-lebih ketika belajar subjek Pengajian Hadith di Nusantara. Waktu itu, pensyarah mula menawarkan kepada penulis untuk menyelami ketokohan Syeikh Fādānī dalam bidang hadis, dan cabaran itu penulis jawab dengan menulis disertasi sarjana dalam ilmu berkenaan. Semasa mengambil ijazah kedoktoran di Universiti Brunei Darussalam, minat untuk mendalami gagasan ulama tersebut kian membunyah, namun dalam bentuk kajian perbandingan dengan tokoh lain yang memfokuskan kepada kaedah penulisan kitab hadis keduanya.

Sebagaimana diketahui, Syeikh Fādānī adalah tokoh keturunan Nusantara yang lahir, membesar dan meninggal di Mekah. Akan tetapi, beliau masih merawat kebanggaan terhadap tanah nenek-moyangnya. Paling tidak, dengan nisbah beliau sebagai “al-Fādānī” atau Yāsīn ‘Īsā Fādān dalam cop beliau, yang merujuk ke daerah asal ayahnya di Kayu Tanam, Padang Pariaman, Sumatera Barat, Indonesia. Selain itu, Fādānī muda dikatakan belajar tafsir dalam bahasa Minangkabau daripada ayah dan bapa saudaranya. Tidak diketahui dengan pasti apakah tafsir yang dipelajari itu ditulis dalam bahasa tersebut atau sang ayah dan bapa saudaranya yang menjelaskan maksud al-Quran

Penghargaan

Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhānahu wa Ta'ālā buku ini dapat diterbitkan. Di kesempatan ini penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di sepanjang penulisan ini, terutama kepada Prof. Fauzi Deraman, yang berjasa memperkenalkan Syeikh Fādānī kepada penulis.

Untuk mendapatkan hasil terbaik dalam penyelidikan ini, penulis telah melakukan diskusi dengan tokoh-tokoh, seperti ahli keluarga dan sejumlah figur yang pernah berguru langsung dengan Syeikh Fādānī. Penulis terhutang budi kepada Ibu Aisyah Yunus (Padang Pariaman), Dr. Allan Gazali Saus Dt. Rangkayo Tuo (Bukit Tinggi), Asril Anwar (Jakarta), Prof. Sayid Agil Husin al-Munawwar (Jakarta), Alm. Prof. Maghfur Usman (Cepu), Alm. Kyai Dr. Abdul Muhith Abdul Fattah (Jakarta), Dato Paduka Dr. Muhammad Nur Lubis (Brunei Darussalam), Dato' Syeikh Abdul Halim bin Abd Kadir (Malaysia), Sahibus Samahah Dr. Luqman bin Abdullah (Mufti Wilayah Persekutuan), dan Ustaz Musnid Mohd. Zaidi bin Abdullah (Malaysia).

Ucapan terima kasih khusus dan istimewa disampaikan juga kepada IJUM Press dan UNISSA Press kerana sudi menerbitkan buku ini sebagai usaha menebarkan ilmu di tengah-tengah masyarakat Islam di Nusantara.

Pendahuluan

Pengenalan

Sejak zaman-berzaman hadis Nabi atau sunnah telah diterima pakai sebagai sumber autoriti kedua di dalam Islam selepas al-Quran al-Karim. Perkara ini telah umum diketahui oleh majoriti umat Islam dan tidak dipertikaikan kecuali oleh segelintir pihak yang jahil dalam perkara agama. Melalui penjelasan hadis, ajaran-ajaran yang terkandung dalam al-Quran dapat difahami dan diamalkan maksudnya dengan lebih baik dan sempurna. Oleh itu, tidak keterlaluan apabila Abū Hanīfah berkata, “Kalau bukan kerana sunnah tiada seorang pun antara kita yang dapat memahami al-Quran (لو لا السنة ما فهم أحد منا القرآن)” (al-Qāsimī, t.th: 52).

Makhūl juga ada menyatakan, “al-Quran itu lebih berhajat kepada (huraian) sunnah dibandingkan sunnah kepada al-Quran (القرآن أحوج إلى السنة من السنة إلى القرآن)” (al-Baghdādī, t.th: 14; al-Suyūfī, 1989: 43; al-Dhahabī, 1989 [juz. 1]: 57; Abū Shahbah, t.th: 46). Dua kenyataan tersebut menegaskan peri mustahak kedudukan hadis dalam kehidupan. Jelas kelihatan di sini, peranan baginda bukan sekadar untuk menerima wahyu atau risalah semata-mata. Malahan, baginda juga telah diperakui sebagai penghurai, pentafsir dan penyokong fahaman al-Quran. Penghargaan itu disebutkan langsung dalam salah satu firmanNya:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Tafsirnya: Dan kami menurunkan kepadamu al-Quran supaya engkau menerangkan kepada manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka berfikir (QS. al-Nahl [16]: 44).

Bab Satu

Pengajian dan Penulisan Hadis di Nusantara

Pengenalan

Perbincangan dalam bab ini difokuskan kepada kaedah am dalam periwayatan hadis, perjuangan dan sumbangan ulama Nusantara dan khususnya Syeikh Fādānī dalam bidang pengajian dan penulisan kitab-kitab hadis.

Menurut lumrahnya, istilah hadis dibentuk atas dua komponen utama iaitu sanad dan matan. Untuk membezakan hadis *ṣaḥīḥ* dengan yang tidak, diketahui melalui mutu kedua-dua unsur berkenaan. Dalam bab ini, penulis cuba menyerlahkan sejarah dan matlamat penyebutan sanad pada zaman klasik serta kepentingan susur galur keilmuan pada zaman globalisasi dewasa ini. Selain itu, gaya penulisan hadis antara harfiah dan makna serta keperluan mengutipnya mengikut kitab muktabar yang telah dibukukan oleh ulama juga disentuh. Kaedah syarahan dan penghuraian hadis juga ditonjolkan bagi mengetahui konsep yang tepat menghukum corak dan pemikiran hadis Syeikh Fādānī.

Kaedah Penulisan Hadis

Penulisan Sanad Hadis

Salah satu unsur utama dalam hadis ialah sanad. Sanad menjadi pembeza antara hadis dengan perkhawaran lainnya. Apabila suatu ungkapan yang dianggap sebagai sebuah hadis, namun gagal menampilkan

Bab Dua

Keilmuan Syeikh Fādānī dalam Bidang Hadis

Pengenalan

Manusia hebat tidak dilahirkan dengan semula jadi atau secara kebetulan. Justeru itu, manusia hebat sudah pasti melalui proses sejarah yang panjang dengan pelbagai dugaan. Oleh sebab itu, untuk menyelami sejarah hidup dan perjuangan individu tertentu perlulah dipelajari latar belakang keluarga, persekitaran dan pendidikan yang diterima. Karya yang dihasilkan juga perlu diterokai untuk kemudian ditonjolkan kepada khalayak ramai, baik khazanah bertulis mahupun teori lisan yang pernah disampaikan (Mukti Ali, 1991: 33-4). Pendedahan riwayat akademik akan menyingkap keserjanaan dan ketokohan seseorang dalam disiplin ilmu yang tertentu.

Istilah ketokohan bermaksud perihal orang kenamaan, terkemuka dan penganjur, dalam apa-apa bidang seperti politik, kebudayaan, agama, dan lain-lain (Noresah, 2005: 1703). Sendi ketokohan dan kehebatan ulama bukan terletak pada keluasan ilmu semata-mata, malahan juga terlihat dalam tabiat keperibadiannya. Demikian juga Syeikh Fādānī, ilmuwan yang mendalam fikrah lagi terpuji akhlaknya. Meskipun beliau hanya melalui pendidikan formal di peringkat menengah sahaja, namun dapat muncul sebagai tokoh ulung yang berwibawa. Ilmu beliau dapat dibuktikan melalui kejayaannya dalam mendidik dan melahirkan sejumlah karya. Pada bahagian ini, penulis akan mengetengahkan biografi intelektual dan peranan yang dimainkan oleh beliau.

Riwayat Hidup Syekh Fādānī

Awal kurun kedua puluh menyaksikan kemunculan seorang ilmuwan yang memainkan peranan signifikan dalam dunia pendidikan, dakwah dan penulisan. Beliau disifatkan sebagai penerus tradisi keintelektualan sarjana muslim Nusantara di Tanah Haram. Seperti diketahui ramai orang, kawasan ini mempunyai daya tarikan yang kuat bagi orang-orang beriman, tidak terkecuali warga rantau ini. Pada kebiasaannya, keberadaan mereka di sini adalah untuk menunaikan ibadat haji sebagai rukun Islam kelima, selain untuk menimba ilmu pengetahuan dengan tokoh-tokoh ulama berkaliber di pusat kecemerlangan dan ketamadunan tersebut.

Nama dan Kelahiran

Setidaknya ada tiga orang jasawan agama yang berasal daripada rantau Melayu yang menisbahkan namanya dengan al-Fādānī iaitu Syekh Khaṭīb 'Alī al-Fādānī (1863-1936), Syekh Djanan Thaib al-Fādānī (1891-1959) dan Syekh Yāsīn al-Fādānī (m. 1990). Adapun tokoh yang dimaksudkan dalam buku disertasi ini ialah Syekh Yāsīn al-Fādānī yang diringkas namanya kepada Syekh Fādānī. Beliau seorang bijak pandai yang namanya termaktub dalam sejumlah karya biografi ulama abad mutakhirsebagai bukti keluasan ilmu yang dikuasainya.

Nama Syekh Fādānī ialah Muḥammad Yāsīn (Fādānī, 1989a: 3; Fādānī, 2008b: 5). Panggilan beliau Abū Muḥammad (Fādānī, 1987a: 3; Fādānī, 2008a: 3; Fādānī, 2008d: 3) dan Abū al-Faiḍ (al-Jābī dalam Fādānī, 1983d: 8; Fādānī, 2008c: 5). Antara gelarannya adalah *Shaikh al-Hadīth* (al-Banjārī, 1996: 13), *'Alam al-Dīn* (Sayid Aḥmad dalam Fādānī, t.t; al-Jābī dalam Fādānī, 1983d: 8; Fādānī, 2008c: 5), *Falak al-Hijāz* (Zakwan, 1993: 36) dan *Musnid al-Dunyā* (Mamdūḥ, 1984: 9; al-Banjārī, 1996: 13). Nama beliau turut dinisbahkan dengan al-Fādānī, al-Indūnīsī,

Bab Tiga

Mengenal Kitab Hadis Arba'īn Fādānī

Pengenalan

Pengumpulan hadis mempunyai pelbagai formula (al-Qāsimī, t.th: 75; 'Itr, 1997: 87, 201-210). Antara manhaj dalam pengumpulan hadis itu ialah arba'īn. Kaedah ini telah menjadi tradisi yang diwariskan sejak zaman berzaman sehingga ke hari ini. Ahmad Lutfi menyatakan, tidak kurang daripada 250 buah kitab arba'īn telah disusun oleh para ulama. Kebanyakan alasan mereka adalah demi mengikut jejak kebiasaan ulama klasik. Selain itu, mereka melandaskan usaha itu kepada fadilat riwayat menghafal hadis arba'īn. Meskipun majoriti hadis terbabit berkategori *da'īf* kerana rantaian sanadnya yang terlalu lemah, namun masih dapat diamalkan dalam perkara *faḍā'il al-'amal* selagi tidak bersentuhan dengan persoalan akidah, halal-haram dan menyatakan segi kedaifannya (Fathullah, 2008: 16).

Meskipun agak sukar untuk memastikan siapa yang menjadi perintis meneroka kaedah arba'īn ini. Ramai sarjana menyebutkan bahawa usaha awal telah dipelopori oleh Ibn al-Mubārak (al-Nawawī, 1990: 21). Namun begitu, berdasarkan sekian banyak khazanah arba'īn, karangan al-Nawawī adalah paling popular dan telah diterjemah ke dalam banyak bahasa serta banyak tersebar dalam kalangan masyarakat Islam (Fathullah, 2008: 18; Baha', 2008: 2). Ulama Nusantara juga tidak ketinggalan dalam menyusun kitab ini termasuklah Syeikh Fādānī. Bahagian ini menonjolkan sejarah dan objektif penulisan karya hadis, isi kandungan, dan sumber rujukan.

Al-Arba'ūn Al-Buldāniyyah Karya Syeikh Fādānī

Salah satu kitab yang dikarang oleh Syeikh Fādānī berdasarkan metode *arba'ināt* ialah *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah*. Tajuk sebenar kitab iaitu *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah Arba'ūn Ḥadīthan 'an Arba'in Shaikhan min Arba'in Baladan*, bermakna kompilasi hadis 40 yang diterima daripada 40 orang guru yang berasal daripada 40 negeri (dengan bentuk dan kandungan tertentu). Penggunaan istilah “*al-Arba'ūn al-Buldāniyyah*” muncul kurun keenam atau dua belas hasil perkembangan kaedah *muwaṭṭa'*, *jāmi'*, *sunan*, *musnad* dan lain-lain. Antara pelopornya iaitu 'Alī bin al-Ḥasan yang lebih dikenali Ibn 'Asākir (m. 571/1175) menerusi karya bertajuk (أربعون حديثاً لأربعين شيخاً من أربعين بلدة).

Tidak dapat dipastikan dengan jelas mengenai tarikh sebenar Syeikh Fādānī mula menyusun karya ini. Bagaimanapun, pengarang ada menyebutkan yang beliau menekuni penulisan dengan kaedah tersebut sejurus dipelawa menjadi guru hadis *arba'in* di Madrasah Dār al-'Ulūm. Kitab ini siap sepenuhnya pada 1364 (Fādānī, 2008a: 4) bersamaan 1945. Tidak pasti tempoh masa dihabiskan untuk menuntaskan khazanah ini. Bagaimanapun, ini menambah bukti kukuh ketokohan beliau dalam ilmu hadis. Bahkan, dalam usia muda tokoh berhasil mengarang karya berfaedah bagi khalayak. Selain mengutip matan, beliau juga memberikan ulasan terhadap hadis dan susur galur periwayatan yang lengkap hingga kepada Rasulullah SAW.

Penisbahan kitab ini sebagai sebuah karya Syeikh Fādānī tidak dinafikan lagi. Ini kerana, ramai sarjana dan pengkaji yang menyebutkan bahawa *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah* sebagai salah karya penulisan beliau (Ramaḍān Yūsuf, 2002 [juz. 2]: 236; al-Mar'ashlī, 2006b: 2148). Meskipun ada yang mencantumkan karya ini dalam senarai kitab sanad, termasuk Ramzī Dimashqiyah dalam mukadimah *al-Fawā'id al-Janiyyah* (1996 [juz. 1]: 45). Akan tetapi, melihat kandungannya yang khusus

Bab Empat

Kaedah Pengkaryaan Kitab Hadis Arba'īn Fādānī

Sebelum mengetahui kandungan kitab, pembaca sepatutnya mengetahui kesahihan hadis yang dipaparkan. Pada kenyataannya, untuk memahami kategori hadis yang berautoriti, dikehendaki piawaian ilmu hadis yang baik. Sememangnya, dalam penyusunan kitab hadis selepas pembukuan, apatah lagi zaman ini lebih bersandar kepada penulisan sedia ada. Hampir tidak dijumpai kembara pengumpulan hadis, kerana ia telah direkodkan oleh ulama sejak abad kedua hijrah lagi. Oleh itu, tidak hairan apabila ulama Nusantara berpada dengan hasil penulisan sarjana masa lampau. Bagaimanapun, usaha ini masih membuka peluang untuk diberikan nota dan penambahbaikan. Ini disebabkan kesilapan pengarang yang adakalanya terlepas pandang untuk menampilkan petikan kemas dalam hadis mereka.

Pada bab kelima ini, penulis menelaah kaedah penulisan karya hadis Arba'īn Fādānī yang difokuskan kepada tiga aspek utama iaitu penulisan sanad hadis, matan dan penghuraian yang diamalkan oleh Syeikh Fādānī. Perihal sanad, yang menjadi sorotan antaranya "lengkap" atau pada peringkat sahabat, ketepatan nama perawi dan kualiti *rijāl*. Manakala matan ialah kesesuaian matan hadis dengan kitab sumber, klasifikasi dan darjat hadis. Manakala, syarah hadis mencakupi corak dan pengaruh yang diterima tokoh dalam menerangkan sebuah hadis. Ketiga-tiga aspek tersebut diharapkan mampu mengetahui kedudukan tokoh dalam wacana pengkaryaan hadis di rantau ini. Yang tidak kurang pentingnya juga, mengetahui gagasan dan corak fikiran hadis Fādānī.

Kaedah Penyebutan Sanad oleh Syeikh Fādānī

Dalam tradisi penulisan hadis, ilmuwan Islam telah menetapkan beberapa kaedah yang perlu diambil berat. Salah satunya ialah sanad, rangkaian pelapor hadis yang menyampaikan kepada suatu ungkapan atau teks pesan (al-Suyūfī, t.th [juz. 1]: 27; al-Qāsimī, t.th: 202; al-Ṭahhān, 2004: 18). Penyebutan sanad merupakan suatu yang tidak dapat dipisahkan dalam penulisan sabda Nabi. Lebih bercambah lagi apabila berlaku fitnah dalam kalangan umat yang membabitkan pertelagahan sesama sendiri hingga hadis berjaya dihimpunkan. Pada awalnya, sahabat menzahirkan pemedulian yang ketara dalam mengenalpasti sebuah hadis. Oleh itu, tidaklah memeranjatkan apabila rehlah atau kembara hadis menjadi syarat utama untuk bergelar pakar hadis ketika itu (al-Rāmahurmuzī, 1984: 208; 'Itr, 1997: 465).

Sesetengah alim ulama melazimkan kebiasaan mendatangkan (1) sanad secara sempurna, (2) sanad pada peringkat sahabat, (3) sanad dengan gelaran yang masyhur, (4) sanad pada peringkat *mukharrij*, dan (5) hadis tanpa sanad. Dalam tradisi penulisan awal, penyebutan sanad sempurna adalah mustahak. Ini menjadi kayu ukur dan prasyarat kesahihan sebuah riwayat. Namun, apabila kitab hadis dibukukan, penulis kebelakangan ini ada yang menyusun hadis tanpa sanad sebagaimana tradisi ulama awal. Hal itu tertakluk kepada matlamat pengarang dalam menyusun sebuah karya.

Bahagian ini memaparkan kebiasaan Syeikh Fādānī dalam meletakkan sanad berbanding dengan sanad dalam khazanah muktabar, khasnya kitab yang menjadi rujukan utama pengarang dalam kutipan hadis. Bagaimanapun, kualiti sanad yang menjadi ulasan penulis dalam buku ini ialah peringkat sahabat dan pengumpul hadis (*mukharrij*). Manakala zaman selepas pengumpul hadis seperti al-Bukhārī dan Muslim tidak menjadi bahan analisis disertasi ini. Bagi sekadar menyebutkan

Penutup

Setelah bertungkus lumus membuat analisis terhadap biografi dan karya sang tokoh, dapatlah disarikan beberapa kesimpulan sebagai berikut:

1. Keilmuan Syeikh Fādānī dalam Bidang Hadis

Mengikut kajian Wan Mohd Saghir (2000), standard ulama dan kealiman seseorang itu paling tidak diukur melalui tiga aspek utama, iaitu berkarya (tulis), mempunyai murid, dan dihormati oleh masyarakat. Menghasilkan karya, sama ada besar atau kecil yang tersebar dalam masyarakat. Sebaran itu terbukti menerusi edisi cetakan, diajarkan kepada masyarakat pelajar serta mampu bertahan sekurang-kurangnya 10 tahun sejak diterbitkan. Orang yang mempunyai murid, ghalibnya seorang pendidik yang menerajui surau, madrasah dan institusi pengajian. Yang ketiga, ulama itu ialah seorang yang dihormati dan digemari ajarannya oleh masyarakat. Sekalipun namanya tidak lagi semerbak setelah jasmani lama terkubur, tetapi fikiran dan legasi pemikiran dapat dijumpai dalam khazanah yang diwariskan.

Selain itu, beberapa perkara yang perlu diambil perhatian untuk menentukan seseorang itu ulama atau bukan dengan dinilai melalui penguasaan mereka terhadap bahasa Arab atau ilmu alat. Merujuk Zuhairi Misrawi (2009), Syeikh Fādānī ialah pakar rujuk masyarakat yang terkenal fasih dalam bahasa al-Quran, seperti disaksikan oleh pakar-pakar bahasa pada zamannya. Bercakap mengenai kealiman Fādānī, beliau telah memenuhi prasyarat yang telah dipaparkan, misalnya:

Pertama, sebagai dinyatakan Wan Mohd Nor (1997), budaya ilmu ialah tradisi yang sangat penting sebagai tunjang kepada peradaban maju. Sememangnya budaya ilmu lebih luas dari sekadar membaca, jalan ilmu selain perbincangan dan penulisan. Tokoh silam sangat menekankan budaya baca bahkan menganggapnya sebagai sekolah terbaik anak

Rujukan

Al-Qur'ān al-Karīm

Panel Penyusun (2014). *Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya*.
Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah

BUKU BAHASA ARAB

Abāzah, Nizār dan Muḥammad Riyāḍ al-Māliḥ (1420/1999). *Itmām al-A'lām: Dhail li Kitāb al-A'lām li Khair al-Dīn al-Ziriklī*. Beirut: Dār Ṣādir.

‘Abd bin Ḥumaid, ‘Abd al-Ḥamīd (1408/1988). *al-Muntakhab min Musnad ‘Abd bin Ḥumaid* (tahkik: Ṣubḥī al-Badrī al-Sāmīrā’ī dan Maḥmūd Muḥammad Khalīl al-Ṣa’īdī). Kaherah: Maktabah al-Sunnah.

‘Abdullāh al-Khaṭīb, ‘Abdullāh bin ‘Abd al-Raḥmān (t.th). *al-Radd ‘alā Mazā’im al-Mustashriqain Ignaz Goldziher wa Joseph Schacht wa man Aidihimā min al-Mustaghrabīn*. Madinah: Majma’ al-Malik Fahd li Ṭibā’ah al-Muṣḥaf.

Abū Dāwud, Sulaimān bin Ash’ath (t.th). *Sunan Abī Dāwud* (tahkik: Muḥammad Muhyī al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd), (4 juz). Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyah.

Abū al-Laith al-Khair Ābādī, Muḥammad (1425/2004). *Mu’jam al-Muṣṭalahāt al-Ḥadīthiyah*. Selangor: Dār al-Shākir.

_____ (1430/2009a). *‘Ulūm al-Ḥadīth Aṣīluhā wa Ma’āṣiruhā*, cet. 6. Bandar Baru Bangi: Dār al-Shākir.

_____ (1429/2009b). *Mu’jam al-Muṣṭalahāt al-Ḥadīthiyah wa ‘Ulūmuh wa Ashhar al-Muṣannifīn fih*. ‘Ammān: Dār al-Nafā’is.

Abū al-Ma’ālī, Muḥammad bin Ibrāhīm al-Munāwī (1425/2004). *Kashf al-Manāhij wa al-Tanāqīh fī Takhrīj Aḥādīth al-Maṣābīḥ* (tahkik: Muḥammad Ishāq bin Muḥammad Ibrāhīm) (5 juz). Beirut: al-Dār al-‘Arabiyah li al-Mausū’āt.

Indeks

- 40 hadis 117, 119-120
- 40 hadis akhlak mulia 36
- 40 hadis keutamaan dzikir dan berdzikir 36
- 40 hadis mudah dihafal sanad dan matan 36
- 40 hadis penawar hati 36
- 40 hadis peristiwa akhir zaman 36
- 40 hadis pilihan dengan syarahnya 35

A

- 'Abd al-'Azīz al-Zamzamī 39
- 'Abd al-Rahman al-Auza'ī 17
- Abdul Halim al-Hadi 30
- Abdullah Abdul Wahab 35
- 'Abdullāh al-Juhānī 155
- 'Abdullāh bin al-Mubāarak 4
- 'Abdullāh bin 'Amr xviii
- 'Abdullāh bin Mas'ūd 155
- Abdullah Fatani xxi
- Abdullah Nur al-Din Rawa 26
- Abdul Rauf Singkel 42
- Abdurrahman al-Habsyi 36
- Abdus Samad Palembang 23
- Abū Aḥmad al-Ḥākīm 182, 202
- Abū al-Faiḍ 50
- Abu Ali al-Banjari al-Nadwi al-Maliki 36
- Abū al-Sanābil 155
- Abū Ayūb al-Anṣārī xviii
- Abū Dāwud 181, 203-205, 257
- Abū Ḥanīfah xvii
- Abū Hurairah 180
- Abū Mūsā al-Ash'arī 155
- Abū Nu'aim 202, 208, 257
- Abū 'Ubaidah 180
- Abū Ya'lā al-Khalīlī 199
- Aḥmad 196, 199-200, 206, 208, 211, 262
- Aḥmad bin Ḥanbal 257
- Ahmad Daudi 21
- Ahmad Fahmi Zamzam 36
- Ahmad Hassan Bandung 30
- Ahmad Lutfi Fathullah 36
- Ahmad Zain Fatani xxi
- 'Ā'ishah xviii, 155
- Akibat Enggan Bayar Zakat 187
- al-Adhkār xxiii
- al-Arba'ūn al-Buldāniyyah 113, 256
- Al-Arba'ūn al-Buldāniyyah 72
- Al-Arba'ūn Hadīthan min Arba'īn Kitāban 'an Arba'īn Shaikhan 72
- Al-Asānīd al-Makkiyyah li Kutub al-Ḥadīth wa al-Siyar wa al-Shamā'il 73
- Al-Awā'il al-Sunbuliyyah wa Dhailuhā al-'Ujālah al-Makkiyyah fī Asānīd al-Shaikh Muḥammad Sa'īd Sunbul al-Makkī 76
- al-Baghawī 209
- al-Baihaqī 197
- al-Banjari 93

Teuku Iskandar 20
 Teungku Hasbi Ash-Shiddieqy 30
 Thabt al-Kazbari 40, 45
 Thabt al-Kazbari wa Yalibi Ithaf
 al-Talib al-Sarri bi Asānid
 al-Wajih al-Kazbari 80
 Thaibin bin Malik 155
 thiqah 175, 182, 215, 230
 tidak kuat hafalan 227
 tipu daya dalam pergaulan 244
 tokoh kritik silam 173
 tokoh pendidik 254
 tokoh peneraju tradisi sanad 247
 tradisi keilmuan bersanad 84
 Tremas, Pacitan 27
 Tuan Ahmad Hasan Bandung 31
 Tuan Hasan Besut 25
 Tuanku Rao 26
 tugas-tugas malaikat 124
 tulisan Jawi 35

U

ulama Arab xxi
 Ulama Besar Indonesia: Biografi
 dan Karyanya 42
 ulama hadis 46, 166
 ulama Indonesia dalam bidang
 hadis 41
 ulama muktabar 2, 167
 ulama Nusantara 1, 28, 55, 262
 Ulama Nusantara dan Pengajian
 Hadis 19
 ulama Nusantara kelahiran Mekah
 xxii
 ulama sunni Indonesia di tanah
 haram 45

'Umar bin al-Khattāb 4, 155
 Universiti al-Azhar 38
 Universiti Islam Sultan Sharif Ali
 29
 Universiti Kaherah 41
 Untung Margono 258
 'Uqbah bin 'Āmir xviii
 Usman Kelantan xxi
 uşūl al-fiqh 82
 'Uthmān bin Abī al-'Āṣ 191
 'Uthmān bin 'Affān 155, 193

W

waq' 83
 Wan Ali Kutan xxi
 Wan Hasan Ishaq xxi
 Wan Mohd Saghir 253
 Wan Saghir Abdullah 21-23, 47
 Waraqāt fī Majmū'ah al-
 Musalsalāt wa al-Awā'il wa
 al-Asānid al-'Āliyāt 74
 Wasdi al-Farisi 42

Y

Yaman 57, 258

Z

Zaid bin Arqam 155
 Zainuddin Hamidy 35
 Zubair Ahmad al-Filfulani 56
 Zubayr Siddiqi 34

Kitab Hadis ARBA'IN FĀDĀNĪ Karya Ulama Nusantara di Tanah Suci

Syeikh Fādānī dikenali kerana kehebatan ilmunya dalam bidang sanad. Ulama pada zamannya dan muridnya yang ramai di Timur Tengah, India, Pakistan dan Nusantara, menggelar beliau Musnid al-Dunyā yang bermaksud Pakar Sanad Dunia. Dalam 110 karya yang dihasilkan oleh Syeikh Fādānī, 70 daripadanya adalah tentang sanad keilmuan, sama ada sanad dalam bidang hadis mahupun sanad dalam bidang akidah-tauhid, fikah-usūl al-fiqh, akhlak-tasawuf, al-Quran dan ilmu tafsir, bahasa, faraid, ilmu falak dan falsafah. Syeikh Fādānī dikenali dalam periwayatan hadis musalsal, sebuah model periwayatan yang unik dalam tradisi hadis yang tidak digunakan oleh kebanyakan ulama Nusantara. *Kitab Hadis Arba'In Fādānī: Karya Ulama Nusantara di Tanah Suci* ini mengetengahkan sumbangan beliau sebagai ulama besar Nusantara di Tanah Suci pada abad ke-20. Buku ini memperkenalkan ketokohnya dalam bidang hadis dan disiplin lain melalui karya-karya beliau. Karya penting beliau *Al-Arba'ūn al-Buldāniyya* yang memuat 40 hadis pilihan dengan segala keistimewaan dan keunikannya dibanding dengan buku hadis arba'in yang lain turut dikupas dalam buku ini.

JANNATUL HUSNA ALI NUAR, PhD ialah Penolong Profesor di Jabatan Ilmu Hadis dan Pascasiswazah Pendidikan Islam, Universiti Ahmad Dahlan, Yogyakarta. Beliau juga merupakan Ketua Jabatan Ilmu Hadis, di kampus berkenaan. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Tafsir Hadis) daripada IAIN Imam Bonjol Padang (2006), Sarjana Usuluddin (Hadis) daripada Universiti Malaya (2010), dan Doktor Falsafah (Hadis) daripada Universiti Brunei Darussalam (2016). Beliau amat berminat terhadap Pengajian Hadis di Nusantara, Kitab Syarah Hadis, Ilmu Ma'ani al-Hadis, dan Ilmu Rijal al-Hadis.

GAMAL ABDUL NASIR ZAKARIA, PhD ialah Penolong Kanan Profesor dalam bidang Pendidikan Islam dan Pengajaran Bahasa Arab di Institut Pendidikan Sultan Hassan al-Bolkiah dan Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Universiti Brunei Darussalam. Beliau telah menghasilkan lebih 10 buah buku Pendidikan Islam dan Pengajaran Bahasa Arab, dan hampir 30 artikel yang diterbitkan di beberapa jurnal antarabangsa berprestij.

ISBN 978-967-491-141-6



9 78 967 491 141 6

IIUM Press

-  (603) 6421 5014 / 5018
-  (603) 6421 6298
-  iiumbookshop@iium.edu.my
-  www.bookshop.iium.edu.my
-  www.facebook.com/iiumpress
-  www.instagram.com/iium_press
-  <https://twitter.com/PressIium>



IIUM
Press



UNISSA
Press